

# Staf, pelajar UMSKAL kibar Jalur Gemilang

UB 17.8.2018 B1

STAF dan pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) tidak ketinggalan mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Malaysia 2018 yang ke-61 pada Rabu.

Selain mengibarkan Jalur Gemilang, mereka turut mempamerkan tema Hari Kebangsaan tahun ini iaitu 'Sayangi Malaysiaku'.

Seorang kakitangan,

Mohizam Mohamad berkata program ringkas itu sebagai simbolik warga UMSKAL turut memeriahkan Bulan Kemerdekaan serta menghormati lambang negara berkenaan, iaitu Jalur Gemilang.

"Kakitangan dan pelajar UMSKAL tidak mahu ketinggalan mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Malaysia 2018 yang ke-61.

"Sebagai warganegara Malaysia, kita wajar

mengibarkan Jalur Gemilang di premis, pejabat, rumah dan kenderaan sebagai bukti kecintaan kepada negara tercinta," katanya.

Turut memeriahkan majlis itu ialah Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Mohamad Tuah serta Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia Mas Adi Alimin.

**KAKITANGAN dan pelajar UMSKAL mengibarkan Jalur Gemilang.**

